



---

## LAPORAN TAHUNAN 2007

---



# KANDUNGAN

---

1.	PERUTUSAN PENGERUSI	vi
2.	RINGKASAN EKSEKUTIF	viii
3.	PENGENALAN	2
	• Undang-Undang Dan Kuasa	4
	• Dasar Korporat	6
	• Piagam Pelanggan	7
4.	KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN	10
5.	URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN	16
	• Pengurusan	16
	• Carta Organisasi	20
	• Kedudukan Perjawatan	21
6.	URUSAN PELANTIKAN TETAP	24
7.	URUSAN PERKHIDMATAN	38
8.	URUSAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB	56
9.	PEMANTAPAN PENTADBIRAN DAN PEMODEGAN SPP	66
10.	GAMBAR AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN	74
11.	BELASUNGKAWA: TAN SRI DR. ABDUL RAFIE BIN MAHAT	78
12.	PENGHARGAAN	80
13.	GLOSARI	82

## SENARAI JADUAL

Jadual 1	:	Keanggotaan SPP
Jadual 2	:	Kedudukan Perjawatan
Jadual 3	:	Data Urusan Pelantikan PPP Tahun 2007
Jadual 4	:	Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Pelantikan Tetap PPP
Jadual 5	:	Permohonan Jawatan AKS Tahun 2007
Jadual 6	:	Urusan Pelantikan Tetap AKS Di Semenanjung Tahun 2007
Jadual 7	:	Urusan Pelantikan Tetap AKS di Sabah Tahun 2007
Jadual 8	:	Urusan Pelantikan Tetap AKS di Sarawak Tahun 2007
Jadual 9	:	Perbandingan Urusan Pelantikan Tetap AKS
Jadual 10	:	Pengesahan Dalam Perkhidmatan
Jadual 11	:	Pelanjutan Tempoh Percubaan
Jadual 12	:	Pemberian Taraf Berpencen
Jadual 13	:	Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan
Jadual 14	:	Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen
Jadual 15	:	Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen
Jadual 16	:	Opsyen Pencen Atau KWSP
Jadual 17	:	Pelantikan/Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak
Jadual 18	:	Pertukaran Pelantikan/Opsyen Pertukaran Pelantikan
Jadual 19	:	Pertukaran Sementara
Jadual 20	:	Pinjaman Pegawai
Jadual 21	:	Perangkaan Kelewatan Urusan Perkhidmatan
Jadual 22	:	Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Perkhidmatan
Jadual 23	:	Perbandingan Lima (5) Tahun Opsyen Pencen Atau KWSP
Jadual 24	:	Kes Tatatertib Am
Jadual 25	:	Kes Tatatertib Jenayah
Jadual 26	:	Hukuman Tatatertib
Jadual 27	:	Prosedur Tatatertib
Jadual 28	:	Kes Rayuan Tatatertib
Jadual 29	:	Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Naik Pangkat Dan Tatatertib
Jadual 30	:	Program Latihan Tahun 2007
Jadual 31	:	Kewangan SPP 2003 - 2007

## SENARAI CARTA

- |          |   |  |
|----------|---|--|
| Carta 1  | : | Carta Organisasi   |
| Carta 2  | : | Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPP                         |
| Carta 3  | : | Carta Alir Proses Pelantikan Tetap AKS                         |
| Carta 4  | : | Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Pelantikan Tetap PPP        |
| Carta 5  | : | Perbandingan Urusan Pelantikan Tetap AKS                       |
| Carta 6  | : | Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Perkhidmatan                |
| Carta 7  | : | Perbandingan Lima (5) Tahun Opsyen Pencen Atau KWSP            |
| Carta 8  | : | Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Naik Pangkat Dan Tatatertib |
| Carta 9  | : | Perbandingan Lima (5) Tahun Peruntukan Dan Perbelanjaan T10    |
| Carta 10 | : | Perbandingan Lima (5) Tahun Peruntukan Dan Perbelanjaan B40    |

# PERUTUSAN PENGERUSI



Alhamdulillah, syukur ke hadratNya kerana dengan izinNya maka buku Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi tahun 2007 telah dapat disiapkan dengan jayanya. Jika diimbas aktiviti Suruhanjaya sepanjang tahun 2007, semuanya adalah bertujuan untuk memantapkan fungsi dan peranan SPP sebagai sebuah badan bebas yang bertanggungjawab ke atas urusan pelantikan dan perkhidmatan anggota pendidikan.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2007 SPP memikul beban yang berat dalam Urusan Pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Anggota Kumpulan Sokongan, Urusan Perkhidmatan dan Urusan Naik Pangkat dan Tatatertib. SPP juga memperlihatkan satu (1) trend yang meningkat dalam beban kerja di bawah fungsi SPP. Kesungguhan dan keseriusan SPP melaksanakan urusan kerjanya menunjukkan SPP sentiasa berasa bertanggungjawab untuk melahirkan Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang inovatif, berdaya cipta dan berdaya saing serta mempunyai nilai tambah bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dalam bidang pendidikan.

Cabaran-cabaran serta peluang-peluang yang dibawa oleh arus globalisasi dan kemajuan teknologi maklumat turut mengubah corak ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan SPP. Pelanggan dan *stakeholders* SPP pada masa kini dan masa depan bukan lagi terdiri daripada golongan yang tidak mudah menerima apa sahaja perkhidmatan yang diberi. Sebaliknya mereka merupakan pelanggan yang berpengetahuan dan bermaklumat yang perlu diberi penjelasan dan diyakinkan tentang apa juga keputusan dan tindakan yang diambil.

Justeru itu, antara penambahbaikan ke arah meningkatkan sistem penyampaian SPP adalah dengan meneliti semula pelbagai peraturan dan tatacara birokrasi. Peraturan-peraturan yang bersifat sebagai penghalang, misalnya peraturan-peraturan yang lapuk, rumit dan memakan masa dikaji semula serta diperbaiki. Semua anggota SPP perlu berazam untuk membawa perubahan dan bertindak menghapuskan amalan-amalan dan budaya yang boleh menghalang penyampaian perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Dengan cara ini, negara akan mampu mengeluarkan sumber tenaga manusia dalam perkhidmatan pendidikan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi rasa terima kasih kepada bekas Anggota Suruhanjaya yang pernah bersama SPP pada tahun 2007 iaitu Y.Bhg. Dato' Haji Muhammad bin Mustafa, Encik Surjeet Singh, Tuan Haji Muhammad Nistah bin Haji Kabul, Encik Rajalingam A/L Karuppiah dan Tuan Haji Senan bin Ibrahim serta mantan Setiausaha SPP iaitu Y.Bhg. Dato' Nooraishah binti Ahmad Tajudin dalam sama-sama membantu menjadikan SPP sebagai sebuah organisasi yang berjaya dalam melaksanakan fungsinya. Tidak juga dilupakan Al-Fatihah buat bekas Pengurus SPP iaitu Allahyarham Tan Sri Dr. Abdul Rafie bin Mahat (08.01.05 – 08.03.07) yang telah kembali ke rahmatullah pada 8 Mac 2007. Jasa dan sumbangan Allahyarham kepada SPP akan tetap dikenang sehingga ke akhir hayat.

Sekian.



DATO' HAJI KUSAINI BIN HAJI HASBULLAH

## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

Laporan Tahunan ini disediakan selaras dengan Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mengemukakan laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinan laporan ini dibentangkan dalam Parlimen.

SPP ditubuhkan dibawah Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan. Keanggotaan semasa terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 24 orang Anggota Suruhanjaya. Pengisian Anggota untuk tahun 2007 adalah seramai 18 orang Anggota. Semua Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setiausaha adalah ahli *ex-officio* dalam Suruhanjaya.

Di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, SPP adalah berkuasa ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam perkhidmatan pelajaran bagi:

- (i) melantik;
- (ii) mengesahkan;
- (iii) memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- (iv) menaikkan pangkat;
- (v) menukar (maksudnya pertukaran pelantikan/pertukaran tetap perkhidmatan); dan
- (vi) menjalankan kawalan tatatertib.

Bagi melaksanakan kuasanya itu, SPP mengadakan mesyuarat setiap dua (2) minggu sekali. Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat juga diadakan selepas Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ).

Sepanjang tahun 2007, pelbagai usaha pemantapan dan pemodenan SPP dilaksanakan. Antaranya, sebanyak **16** program latihan atau kursus telah dijalankan. Bagi meningkatkan sistem penyampaian, SPP telah mengadakan taklimat dan program Hari Bertemu Pelanggan. Sistem e-permohonan, e-Mobile dan e-Ruling juga telah diaplikasikan untuk memudahkan urusan pelantikan dan perkhidmatan.

---

Bagi melaksanakan urusan pelantikan tetap, seramai **28,432** orang Anggota Perkhidmatan Pendidikan telah dilantik daripada sejumlah **54,443** yang telah dipanggil temu duga. Bilangan anggota yang dilantik terdiri daripada sejumlah **23,459** PPP dan **4,973** AKS. Bilangan pelantikan di Semenanjung ialah seramai **19,262** PPP dan **3,646** AKS. Bilangan pelantikan di Sabah pula adalah **1,827** PPP dan **203** AKS manakala di Sarawak ialah **2,370** PPP dan **1,124** AKS.

Bagi urusan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen, sejumlah **23,750** perakuan telah diluluskan iaitu sejumlah **17,510** perakuan di Semenanjung, **3,331** perakuan di Sabah dan **2,909** perakuan di Sarawak.

SPP telah meluluskan pelantikan Y.Bhg. Dato' Alimuddin bin Md. Dom ke jawatan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Di samping itu, dipertimbangkan **dua (2)** rayuan kenaikan pangkat yang melibatkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG48 ke DG52.

Sejumlah **21** kes tatatertib dan **107** kes rayuan tatatertib telah dipertimbangkan oleh SPP.

SPP telah diperuntukkan sejumlah **RM20,938,000.00** untuk perbelanjaan mengurus bagi maksud T.10 dan B.40. Perbelanjaan keseluruhan adalah berjumlah **RM20,308,547.92** (96.99%).

“Maka hendaklah diadakan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaranyang bidangkuasanya hendaklah, tertakluk kepada Perkara 144 ...”

Perkara 141A  
Perlembagaan Persekutuan

## PENGENALAN

**SPP**

# PENGENALAN



SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974. Penubuhan SPP adalah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja mengenai perkhidmatan perguruan yang ditubuhkan bagi mengkaji perkhidmatan guru-guru, gaji-gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mereka serta lain-lain kaktangan sekolah (lebih dikenali dengan nama Suruhanjaya Diraja Aziz) yang telah mengemukakan perakuan supaya sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan berasingan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), ditubuhkan bagi Perkhidmatan Pelajaran.

Pada 1 September 1973 hingga 30 November 1973, SPP ditempatkan di Tingkat 9, Bangunan U.M.B.C. di Jalan Maharajalela, Kuala Lumpur. Pada ketika itu, bangunan tersebut adalah merupakan ruang pejabat yang disewa bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pada 1 Disember 1973 pula, dengan persetujuan Jabatan Pos dan Kementerian Kerja Raya, SPP telah berpindah ke Tingkat 6, Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur. Dalam tempoh masa tersebut, Jawatankuasa Ruangan Pejabat Kerajaan dan Kementerian Kerja Raya telah bersetuju untuk membina sebuah bangunan khas untuk SPP. Pada pertengahan tahun 1975, SPP telah berpindah ke bangunan baru tersebut yang terletak di Jalan Spooner (kini dikenali sebagai Jalan Cenderawasih), Kuala Lumpur. Seterusnya pada tahun 1988, SPP telah berpindah ke bangunan Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. SPP telah berpindah ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya mulai tahun 1999 hingga kini.

Bagi melancarkan urusan pelantikan dan perkhidmatan pendidikan di negeri Sarawak, maka urus setia cawangan Sarawak telah ditubuhkan secara rasminya pada 16 Julai 1976 berdasarkan kepada *Education Act 1961 (Extension to Sarawak Order 1976)*. Urusan perkhidmatan pendidikan di negeri Sarawak hanya dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan-peraturan Persekutuan sepenuhnya selepas 1 Julai 1978 iaitu setelah berkuatkuasa Laporan Jawatankuasa Kabinet. Sebelum tarikh tersebut, peraturan-peraturan yang digunakan adalah berasaskan kepada Perintah Am Negeri, Pekeliling-Pekeliling dan Peraturan-Peraturan yang digunakan pada masa itu. Urus setia cawangan Sabah pula telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1977 bagi tujuan yang sama iaitu melancarkan urusan perkhidmatan pendidikan di negeri Sabah. Bagi urusan kenaikan pangkat dan tindakan tatatertib, ianya dikendalikan secara terus oleh ibu pejabat SPP di Putrajaya.

Secara umumnya, urus setia membantu melaksanakan semua aktiviti di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan bagi mengendalikan urusan berhubung dengan fungsi SPP.

Pada peringkat awal penubuhannya, keanggotaan SPP terdiri daripada seorang (1) Pengerusi dan empat (4) orang Anggota. Mulai tahun 1978, jawatan Timbalan Pengerusi diwujudkan. Pertambahan bilangan anggota adalah seperti di **Jadual 1** di bawah:

**Jadual 1**  
**Keanggotaan SPP**

Tahun	Bilangan Anggota
1974	4
1976	8
1978	8
1990	12
2001	16
2006	24

Sepanjang penubuhan SPP, seramai tujuh (7) orang Pengerusi dan sembilan (9) orang Timbalan Pengerusi telah dilantik. Dalam tempoh yang sama, seramai 11 orang Setiausaha telah menerajui SPP selaku Ketua Jabatan.

## UNDANG-UNDANG DAN KUASA

### **Penubuhan Dan Keanggotaan SPP**

SPP telah ditubuhkan mengikut Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1974. Keanggotaan semasa Anggota Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 24 orang Anggota. Pengisian Anggota untuk tahun 2007 adalah seramai 18 orang Anggota.

### **Fungsi SPP**

Di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, SPP adalah berkuasa ke atas PPP dan AKS dalam perkhidmatan pendidikan bagi:

- (i) melantik;
- (ii) mengesahkan;
- (iii) memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- (iv) menaikkan pangkat;
- (v) menukar (maksudnya pertukaran pelantikan/pertukaran tetap perkhidmatan); dan
- (vi) menjalankan kawalan tatatertib.

### **Penurunan Kuasa Di Bawah Perkara 144(5B)(i) Perlembagaan Persekutuan**

SPP melaksanakan kuasanya bagi urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan, pemberian taraf berpencen, pertukaran tetap perkhidmatan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib bagi PPP dan AKS dalam perkhidmatan pendidikan. Walau bagaimanapun, sebahagian kuasa SPP bagi urusan kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib telah diberikan kepada Jemaah-jemaah tertentu yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 144(5B)(i) Perlembagaan Persekutuan.

### **Perwakilan Kuasa Di Bawah Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan**

Selain daripada melaksanakan kuasanya, SPP juga mewakilkan kuasa mengikut Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan kepada pegawai-pegawai tertentu di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) bagi urusan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen untuk jawatan-jawatan tertentu dalam kumpulan sokongan iaitu Pembantu Am Pejabat (PAP) Gred N1, Tukang Masak Gred N1, Pemandu Kenderaan Gred R3 dan Pekerja Rendah Awam Gred R1.

Bagi urusan pelantikan guru-guru yang telah bersara wajib sebagai pegawai kontrak, pelantikannya telah diwakilkan kuasa kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

### **Ketetapan Kuasa Di Bawah Perkara 144(8) Perlembagaan Persekutuan**

Kaedah-kaedah Suruhanjaya yang diperuntukkan di bawah Perkara 144(8) Perlembagaan Persekutuan memberi ketetapan kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha untuk melaksanakan mana-mana fungsi yang ditugaskan kepadanya bagi maksud memudah dan mempercepatkan pentadbiran.



## DASAR KORPORAT

### Visi

Menjadikan SPP sebuah organisasi yang dinamik, berkualiti dan mesra pelanggan.

### Misi

Memastikan urusan pengambilan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan dilaksanakan dengan berkualiti ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara.

### Objektif

Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi pelantikan, urusan perkhidmatan dan kawalan tata tertib dan naik pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.



## PIAGAM PELANGGAN



SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. Dengan itu, SPP komited untuk:

### 1. Urusan Temu Duga

- 1.1 Semua calon PPP akan ditemu duga dalam tempoh seawal-awalnya tiga (3) bulan dan selewat-lewatnya sembilan (9) bulan dari tarikh terima borang permohonan lengkap.
- 1.2 Semua kategori calon AKS yang layak, yang mengemukakan permohonan lengkap dan memenuhi syarat asas tapisan yang ditetapkan, akan ditemu duga dalam tempoh seawal-awalnya tiga (3) bulan dan selewat-lewatnya sembilan (9) bulan dari tarikh tutup iklan.
- 1.3 Surat akuan terima bagi permohonan calon PPP dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh terima borang permohonan.

## **2. Pemberitahuan Keputusan Temu Duga**

Keputusan temu duga bagi calon PPP (tidak termasuk calon Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)) dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh empat (4) minggu selepas MSJ.

## **3. Pengeluaran Surat Pengesahan Pelantikan Tetap**

Surat pengesahan pelantikan tetap bagi semua calon PPP dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh terima Pakej Setuju Terima (PST). PST merangkumi surat setuju terima tawaran pelantikan, surat akuan sumpah, surat akuan doktor dan surat aku janji.

## **4. Urusan Perkhidmatan**

Keputusan urusan perkhidmatan mengenai pengesahan dalam perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan dan pemberian taraf berpencen akan dimaklumkan dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh terima perakuan lengkap.

## **5. Urusan Kenaikan Pangkat Dan Tatatertib**

Urusan rayuan kenaikan pangkat, tindakan tatatertib dan rayuan tatatertib diputuskan dalam tempoh empat (4) minggu, dikira dari tarikh terima perakuan yang lengkap dan teratur.



## KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

**SPP**

# KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



1      2  
  
3



## Pengerusi

1. Allahyarham Tan Sri Dr. Abdul Rafie bin Mahat P.J.K., A.M.N., S.M.S., D.P.M.P., D.S.N.S., P.J.N., D.M.S.M., P.S.M.
  - sehingga 8 Mac 2007
2. Y.Bhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah D.P.T.J., K.M.N., A.M.N., P.P.N., P.I.S.
  - mulai 29.10.2007
  - Pemangku Pengerusi (9 Mac 2007 - 28.10.2007)
  - Timbalan Pengerusi (sehingga 28.10.2007)

## Timbalan Pengerusi

3. Y.Bhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad D.S.P.N., J.S.M., D.J.N., K.M.N.
  - mulai 15.11.2007
  - Anggota Suruhanjaya (sehingga 14.11.2007)

## Anggota Suruhanjaya



Y.Bhg. Dato' Haji Muhamad bin Mustafa  
D.P.M.T., K.M.N., A.M.N., P.J.C., P.J.K.  
(sehingga 20.02.07)



Encik Surjeet Singh  
(sehingga 18.01.07)



Tuan Haji Muhammad Nistah bin Haji Kabul  
A.M.N., A.D.K., B.S.K., B.K.  
(sehingga 12.01.2007)



Encik Rajalingam a/l Karuppiah  
(sehingga 03.08.2007)



Tuan Haji Senan bin Ibrahim  
A.M.N., P.I.S.  
(sehingga 31.10.2007)



Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad Zainuddin bin Othman  
D.P.M.P., K.M.N., P.P.T.

## Anggota Suruhanjaya



Y.Bhg. Dato' Habibah binti Zon  
D.P.M.P., K.M.N.



Y.Bhg. Dato' Dr. Hajah Wan Chik Rahmah binti Wan Din  
D.P.M.P., A.M.N.



Tuan Haji Semawi @ Asmawi bin Haji Abdul Kadir  
P.M.P., A.M.N., P.P.T.



Encik Ngoo Kong Hua @ Ngoo Kong Hee  
K.M.N., P.J.C.



Y.Bhg. Dato' Mohd. Nawi bin Haji Ahmad  
D.I.M.P., J.S.M., K.M.N.



Encik Blawan Embayau  
A.M.N., P.P.B.

## Anggota Suruhanjaya



Y.Bhg. Dato' Mohd. Azmi bin Razak  
D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.



Encik Tan Eng Hock  
K.M.N.



Puan Hajah Siti Zaharah @ Siti Zahrah binti Mat Akib  
K.M.N., A.M.N.



Cik Kamariah binti Ramli  
J.S.M., S.M.P., K.M.N., P.C.M.



Y.Bhg. Dato' Haji Abdullah bin Haji Abdul Kadir  
D.I.M.P., A.M.N., A.M.P., P.K.C.



Y.Bhg. Datin Dr. Nor Hayati binti Abdul Rasid  
A.M.N.

## Anggota Suruhanjaya




Puan Harvinder Kaur a/p Harnam Singh  
J.S.M., S.I.S., K.M.N., A.M.N.



Encik Mahzan bin Bakar  
S.M.P., A.M.P.



Puan Hajah Aminah binti A.F. Musally  
A.M.N., A.S.D.K.



Encik Raman a/l Sinnappanaidu  
P.J.K.



Y.Bhg. Datin Hajah Rahimah binti Haji Ghazali  
A.M.N., B.C.M.



# URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

**SPP**

# URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

## Pengurusan



1	2
3	4

## Setiausaha

1. Y.Bhg. Dato' Nooraishah binti Ahmad Tajudin
  - sehingga 26.08.07
2. Y.Bhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail
  - mulai 27.08.07

## Timbalan Setiausaha

3. Encik Abdul Razak bin Wahab
  - Timbalan Setiausaha (P)
4. Encik Chin Weng Peng
  - Timbalan Setiausaha (K)

## Pengurusan



Encik Ahmad bin Musa  
Ketua Penolong Setiausaha (P)  
(sehingga 18.06.07)



Puan Siti Ammarah binti Haji Ahmad  
Ketua Penolong Setiausaha (P)  
(mulai 01.10.07)



Encik Mohd. Yazid bin Sairi  
Ketua Penolong Setiausaha (A)



Puan Norfaizah binti Omar  
Ketua Penolong Setiausaha (K)  
(sehingga 15.01.07)



Encik Mohd. Taupik bin Yusof  
Ketua Penolong Setiausaha (K)  
(mulai 16.01.07)

## Pengurusan



Encik Mohd. Taupik bin Yusof  
**Ketua Penolong Setiausaha (NT)**  
(sehingga 15.01.07)



Puan Norfaizah binti Omar  
**Ketua Penolong Setiausaha (NT)**  
(mulai 16.01.07)



Encik Noor Mohd. Huzaila bin Abdul Majid  
**Ketua Penolong Setiausaha (T)**

## Pengurusan



Encik Abu Bakar bin Ali  
Ketua Penolong Setiausaha (TM)



Cik Sh. Sitti Saleha binti Habib Yussof  
Ketua Pentadbir (S)




Encik Ali Noruddin bin Boying  
Ketua Pegawai Pentadbir (Q)

### Petunjuk:

- P - Bahagian Pengambilan PPP
- A - Bahagian Pengambilan AKS
- K - Bahagian Perkhidmatan
- NT - Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib
- T - Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- TM - Bahagian Teknologi Maklumat
- S - Urus Setia Cawangan Sabah
- Q - Urus Setia Cawangan Sarawak

## Carta Organisasi

### Carta 1 Carta Organisasi



Petunjuk :

AKS	-	Anggota Kumpulan Sokongan
K	-	Perkhidmatan
KPKM	-	Ketua Pengaruh Pelajaran Malaysia
P	-	Pengambilan
PPP	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma
PPPLD	-	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan SiswaZah
PPPS	-	Pegawai Tadbir dan Diplomatik
PTD	-	

## Kedudukan Perjawatan

**Jadual 2**  
**Kedudukan Perjawatan**

Bil.	Jawatan	Jumlah
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik JUSA 'B'	1
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M54	2
3.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M52	2
4.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M48	5
5.	Pegawai Teknologi Maklumat F48	1
6.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44	12
7.	Pegawai Sistem Maklumat F44	1
8.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M41	14
9.	Pegawai Sistem Maklumat F41	2
10.	Pegawai Penerangan S41	1
11.	Penolong Pegawai Tadbir N32	10
12.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29	6
13.	Penolong Pegawai Tadbir N27	11
14.	Penolong Akauntan W27	1
15.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N26	4
16.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22	14
17.	Pembantu Perpustakaan S22	1
18.	Pembantu Tadbir (Kewangan) W22	1
19.	Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) N22	3
20.	Pembantu Tadbir (Kewangan) W17	7
21.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17	97
22.	Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) N17	12
23.	Juruteknik Komputer F17	1
24.	Pembantu Tadbir Rendah N11	33
25.	Pembantu Am Pejabat N4	2
26.	Pembantu Am Pejabat/PC/Penjaga Pejabat N1	16
27.	Pemandu Kenderaan R3	7
<b>JUMLAH</b>		<b>267</b>

Nota : Kedudukan perjawatan ini termasuk pertambahan dua (2) jawatan yang diterima dan berkuatkuasa pada 1 Disember 2007.

“Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajiban sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya ...”

Perkara 144(1)  
Perlembagaan Persekutuan



# URUSAN PELANTIKAN TETAP

**SPP**

# URUSAN PELANTIKAN TETAP

Urusan pelantikan tetap dilaksanakan selaras dengan perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan. Urusan ini melibatkan 13 skim perkhidmatan bagi tujuan pengisian jawatan di bawah KPM dan KPTM. Skim perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional:**

- |    |  |
|----|--|
| 1. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41. |
|----|--|

**Kumpulan Sokongan:**

- |     |   |
|-----|---|
| 1.  | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) Gred DGA29; |
| 2.  | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17;                                |
| 3.  | Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) Gred N17;                 |
| 4.  | Penyelia Asrama Gred N17;   |
| 5.  | Pembantu Pengurusan Murid Gred N17;                                 |
| 6.  | Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17;                                 |
| 7.  | Pembantu Makmal Gred C17;   |
| 8.  | Pembantu Tadbir Rendah Gred N11;                                    |
| 9.  | Tukang K2 Gred R11;   |
| 10. | Tukang K3 Gred R13;   |
| 11. | Pembantu Am Pejabat Gred N1; dan                                    |
| 12. | Pemandu Kenderaan Gred R3.  |



Proses pelantikan tetap bermula dengan pengeluaran iklan melalui akhbar tempatan atau surat pekeliling yang diedarkan kepada KPM dan KPTM bagi mempelawa calon yang memenuhi syarat. Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui aplikasi e-permohonan di laman web SPP <http://www.spp.gov.my> atau secara manual melalui borang. Pada tahun 2007, sejumlah **236,371** permohonan telah diproses iaitu **23,371** permohonan jawatan PPP dan **213,000** permohonan jawatan AKS.

Urusan temu duga dilaksanakan hampir setiap minggu di seluruh negara dan bagi memastikan urusan tersebut tidak membebankan calon, pusat temu duga juga dibuka di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Sejumlah **54,443** calon telah dipanggil temu duga yang merangkumi **25,273** calon PPP dan **29,170** calon AKS.


Semua calon yang berjaya dan diluluskan pelantikan oleh SPP ditawarkan pelantikan tetap. Proses pelantikan tetap bagi calon PPP dan AKS adalah seperti di **Carta 2** dan **Carta 3**.

Surat tawaran pelantikan tetap dikeluarkan kepada calon yang diperaku untuk lantikan berserta dokumen yang perlu dilengkapkan seperti berikut:


- (i) surat setuju terima tawaran pelantikan tetap;
- (ii) surat akuan sumpah;
- (iii) borang pemeriksaan doktor; dan
- (iv) surat aku janji.

Urusan pelantikan tetap selesai dengan pengeluaran surat pengesahan pelantikan iaitu setelah dokumen yang disyaratkan di atas dilengkapkan oleh calon dan diterima semula oleh SPP.

**Carta 2**  
**Carta Alir Proses Pelantikan Tetap PPP**



**Carta 3**  
**Carta Alir Proses Pelantikan Tetap AKS**



Pada tahun 2007, seramai **23,459** PPP telah dilantik tetap seperti yang ditunjukkan di **Jadual 3.**

**Jadual 3**  
**Data Urusan Pelantikan PPP 2007**

Perkara	Wilayah	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
<b>PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS)</b>					
Dipanggil Temu Duga	16,665	1,599	2,140		<b>20,404</b>
Hadir Temu Duga	15,768	1,471	2,083		<b>19,322</b>
Tidak Hadir Temu Duga	435	63	19		<b>517</b>
Hadir Tetapi Tidak Memenuhi Syarat Untuk Ditemu duga	462	65	38		<b>565</b>
Dilantik	15,537	1,441	2,067		<b>19,045</b>
Gagal	231	30	16		<b>277</b>
<b>PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)</b>					
Dipanggil Temu Duga	4,087	458	320		<b>4,865</b>
Hadir Temu Duga	3,871	414	311		<b>4,596</b>
Tidak Hadir Temu Duga	77	24	3		<b>104</b>
Hadir Tetapi Tidak Memenuhi Syarat Untuk Ditemu duga	139	20	6		<b>165</b>
Dilantik	3,725	384	301		<b>4,410</b>
Gagal	146	30	10		<b>186</b>
<b>PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN SISWAZAH (PPPBS) (KHAS UNTUK PENYANDANG)</b>					
Dipanggil Temu Duga	-	2	2		<b>4</b>
Hadir Temu Duga	-	2	2		<b>4</b>
Tidak Hadir Temu Duga	-	-	-		<b>-</b>
Hadir Tetapi Tidak Memenuhi Syarat Untuk Ditemu duga	-	-	-		<b>-</b>
Dilantik	-	2	2		<b>4</b>
Gagal	-	-	-		<b>-</b>
<b>JUMLAH</b>					
Dipanggil Temu Duga	20,752	2,059	2,462		<b>25,273</b>
Hadir Temu Duga	19,639	1,887	2,396		<b>23,922</b>
Tidak Hadir Temu Duga	512	87	22		<b>621</b>
Hadir Tetapi Tidak Memenuhi Syarat Untuk Ditemu duga	601	85	44		<b>730</b>
Dilantik	19,262	1,827	2,370		<b>23,459</b>
Gagal	377	60	26		<b>463</b>

Kategori hadir tetapi tidak memenuhi syarat untuk ditemu duga merujuk kepada calon yang hadir temu duga tanpa membawa dokumen penting seperitimana yang disyaratkan dalam surat panggilan temu duga.


Secara perbandingan, urusan pelantikan tetap PPP bagi tahun 2003 - 2007 adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 4**. Secara keseluruhannya, bagi tempoh lima (5) tahun tersebut, seramai **104,283** calon berjaya dalam temu duga dan dilantik ke jawatan tetap manakala seramai **5,643** calon gagal dalam temu duga.

**Carta 4** menunjukkan jumlah calon yang dilantik dan gagal dari tahun 2003 - 2007 mengalami peningkatan dan penurunan secara berselang-seli.

**Jadual 4**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Pelantikan Tetap PPP**

Perkara Wilayah Tahun	Dilantik				Gagal			
	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah
2003	13,441	2,403	2,169	<b>18,013</b>	596	134	140	<b>870</b>
2004	15,676	2,463	2,274	<b>20,413</b>	1,280	520	212	<b>2,012</b>
2005	12,057	1,491	1,814	<b>15,362</b>	553	75	87	<b>715</b>
2006	18,476	4,034	4,526	<b>27,036</b>	1,102	238	243	<b>1,583</b>
2007	19,262	1,827	2,370	<b>23,459</b>	377	60	26	<b>463</b>
<b>Jumlah</b>	<b>78,912</b>	<b>12,218</b>	<b>13,153</b>	<b>104,283</b>	<b>3,908</b>	<b>1,027</b>	<b>708</b>	<b>5,643</b>

**Carta 4**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Pelantikan Tetap PPP**



Pada tahun 2007, seramai **4,973** AKS telah dilantik ke jawatan tetap seperti yang ditunjukkan di **Jadual 6, 7 dan 8.**

**Jadual 5**  
**Permohonan Jawatan AKS Tahun 2007**

Wilayah Perkara	Tarikh Iklan	Jawatan	Permohonan
Semenanjung	18 Februari 2007	(i) PT(Kew.) (ii) PT(P/O) (iii) PA (iv) PM (v) PPM	<b>213,000</b>

**Jadual 6**  
**Urusan Pelantikan Tetap AKS Di Semenanjung Tahun 2007**

Jawatan Perkara	PT(Kew)	PT(P/O)	PA	PM	PPM	PTR	PAP	Jumlah
Dipanggil Temu Duga	2,975	12,291	2,360	2,092	7,835	11	69	<b>27,633</b>
Hadir Temu Duga	2,025	9,037	1,790	1,500	6,814	4	53	<b>21,223</b>
Tidak Hadir Temu Duga	950	3,254	570	592	1,021	7	16	<b>6,410</b>
Peraku	1,744	7,866	1,532	1,291	6,311	4	53	<b>18,801</b>
Tidak Diperaku	281	1,171	258	209	503	-	-	<b>2,422</b>
Dilantik	124	670	137	113	2,545	4	53	<b>3,646</b>

Catatan : Bilangan lantikan tetap adalah berdasarkan kekosongan tahun semasa dan bakinya adalah sebagai calon simpanan.

**Jadual 7**  
**Urusan Pelantikan Tetap AKS Di Sabah Tahun 2007**

Perkara \ Jawatan	PM	PA	PKP	PTR	Jumlah
Dipanggil Temu Duga	683	361	91	402	<b>1,537</b>
Hadir Temu Duga	456	263	55	354	<b>1,128</b>
Tidak Hadir Temu Duga	227	98	36	48	<b>409</b>
Diperaku	373	230	41	305	<b>949</b>
Tidak Diperaku	83	33	14	49	<b>179</b>
Dilantik	87	52	4	60	<b>203</b>

Catatan : Pengambilan dan temu duga AKS tahun 2007 bagi Sabah adalah berdasarkan permohonan yang diterima melalui iklan pengambilan yang dikeluarkan pada tahun 2006.

**Jadual 8**  
**Urusan Pelantikan Tetap AKS Di Sarawak Tahun 2007**

Perkara \ Jawatan	PPM	PT (Kew.)	PKP	Jumlah
Dipanggil Temu Duga	-	-	-	-
Hadir Temu Duga	-	-	-	-
Tidak Hadir Temu Duga	-	-	-	-
Diperaku	3,220	20	6	<b>3,246</b>
Tidak Diperaku	587	5	2	<b>594</b>
Dilantik	1,115	3	6	<b>1,124</b>

Catatan : Pengambilan dan temu duga AKS tahun 2007 bagi Sarawak adalah berdasarkan permohonan yang diterima melalui iklan pengambilan yang dikeluarkan pada tahun 2006.

Petunjuk:

- PT(Kew) - Pembantu Tadbir (Kewangan)
- PT(P/O) - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
- PA - Penyelia Asrama
- PM - Pembantu Makmal
- PPM - Pembantu Pengurusan Murid
- PKP - Pegawai Khidmat Pelanggan
- PTR - Pembantu Tadbir Rendah
- PAP - Pembantu Am Pejabat

Secara perbandingan, urusan pelantikan tetap AKS bagi tahun 2003 - 2007 adalah seperti di **Jadual 9** dan **Carta 5**. Secara keseluruhannya, bagi tempoh lima (5) tahun tersebut, seramai **61,958** calon berjaya dalam temu duga dan **11,454** dilantik ke jawatan tetap manakala seramai **10,268** calon gagal dalam temu duga. Bagi jumlah permohonan telah menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu dari **136,985** ke **213,000** permohonan. Peningkatan ini, antara lain adalah berikutan keputusan kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan awam sebagai satu perkhidmatan yang lebih menarik di samping proses permohonan yang menjadi lebih mudah melalui peningkatan penggunaan sistem teknologi maklumat dan komunikasi.

Dalam tempoh perbandingan tahun 2003 - 2007, urusan temu duga dilaksanakan pada tahun berikutnya selepas iklan dikeluarkan.

Berasaskan kepada **Jadual 9** dan **Carta 5**, SPP telah memperakukan seramai **61,958** orang calon tetapi hanya **11,454** yang ditawarkan pelantikan ke jawatan tetap iaitu mengikut kekosongan hakiki jawatan tahun semasa. Baki calon yang berjaya dalam temu duga diletakkan sebagai calon simpanan dan akan ditawarkan pelantikan tetap mengikut keperluan pengisian jawatan oleh KPM dan KPTM.


**Jadual 9**  
**Perbandingan Urusan Pelantikan Tetap AKS**

Perkara	Permohonan	Dipanggil Temu Duga		Hadir Temu Duga		Diperakui		Dilantik		Gagal	
		Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak
Wilayah	Jumlah	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak
Tahun	Jumlah	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak	Sabah	Sarawak
2003	-	-	-	Tiada Rekod	2,763	-	2,763	7,901	2,753	-	10,654
2004	83,009	15,976	38,000	136,985	-	860	5,662	6,522	-	812	3,877
2005	-	16,046	-	16,046	28,759	7,196	-	35,955	24,106	6,169	-
2006	36,353	33,064	33,799	103,216	2,665	133	5,338	8,136	2,057	132	4,305
2007	213,000	-	-	213,000	27,633	1,537	-	29,170	21,223	1,128	-
Jumlah	332,362	65,086	71,793	469,247	59,057	12,489	11,000	82,546	55,287	10,994	8,182

Petunjuk:

- \* - Calon diperakui berdasarkan iklan tahun 2002
- \*\* - Calon Pembantu Pengurusan Murid (PPM) Penyandang
- \*\*\* - Jumlah ini termasuk jumlah calon simpanan yang diperakui pada tahun 2005

**Carta 5**  
**Perbandingan Urusan Pelantikan Tetap AKS**





# URUSAN PERKHIDMATAN



SPP

## URUSAN PERKHIDMATAN

Urusan perkhidmatan yang diperakukan oleh Ketua Jabatan untuk pertimbangan dan kelulusan SPP adalah meliputi:

- (i) pengesahan dalam perkhidmatan;
- (ii) pelanjutan tempoh percubaan;
- (iii) pemberian taraf berpencen;
- (iv) pertukaran pelantikan/opsyen pertukaran pelantikan;
- (v) pelantikan/pembaharuan pelantikan secara kontrak atau sementara;
- (vi) pinjaman/pertukaran tetap perkhidmatan;
- (vii) pertukaran sementara; dan
- (viii) penamatan perkhidmatan.

Setiap perakuan yang diterima akan diproses oleh urus setia berasaskan kepada peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U. (A) 176 Tahun 2005], Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa dan Pekeliling-Pekeliling SPP.

Perakuan urusan perkhidmatan yang telah diproses dan didapati teratur mengikut syarat dan peraturan akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Suruhanjaya.

Suruhanjaya juga menimbang dan meluluskan urusan-urusan perkhidmatan berikut:

- (i) rayuan hadiah kenaikan gaji bagi bekas tentera/polis yang dilantik ke dalam perkhidmatan pendidikan;
- (ii) rayuan pertukaran opsyen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada opsyen pencen;
- (iii) pengecualian kursus induksi; dan
- (iv) perwakilan kuasa pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen kepada PPP yang berkenaan di KPM/KPTM.

## Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang diperakukan untuk pengesahan dalam perkhidmatan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) telah menjalani tempoh percubaan antara satu (1) hingga tiga (3) tahun;
- (ii) hadir dan lulus dengan jayanya kursus induksi;
- (iii) lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan (untuk penyandang AKS sahaja); dan
- (iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Pada tahun 2007, seramai **7,075** orang Anggota Perkhidmatan Pendidikan telah diluluskan pengesahan dalam perkhidmatan. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Pengesahan Dalam Perkhidmatan**

Wilayah Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Semenanjung	3,940	584	362	<b>4,886</b>
Sabah	731	308	55	<b>1,094</b>
Sarawak	887	190	18	<b>1,095</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5,558</b>	<b>1,082</b>	<b>435</b>	<b>7,075</b>

## Pelanjutan Tempoh Percubaan

Tempoh percubaan pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan atau tidak dapat sokongan daripada Ketua Jabatan, boleh dilanjutkan sama ada berdenda atau tanpa denda mengikut Peraturan 28(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Seramai **297** orang Anggota Perkhidmatan Pendidikan diluluskan pelanjutan tempoh percubaan. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Pelanjutan Tempoh Percubaan**

Wilayah \ Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Semenanjung	153	25	59	<b>237</b>
Sabah	10	4	0	<b>14</b>
Sarawak	16	0	30	<b>46</b>
<b>Jumlah</b>	<b>179</b>	<b>29</b>	<b>89</b>	<b>297</b>

### Pemberian Taraf Berpencen

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak bersetuju memilih opsyen KWSP serta telah berkhidmat selama tidak kurang dari tiga (3) tahun dalam perkhidmatan yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh SPP mengikut Peraturan 36(1) dan (2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Seramai **11,971** orang Anggota Perkhidmatan Pendidikan telah diluluskan pemberian taraf berpencen. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Pemberian Taraf Berpencen**

Wilayah \ Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Semenanjung	5,460	2,444	1,265	<b>9,169</b>
Sabah	791	490	98	<b>1,379</b>
Sarawak	738	548	137	<b>1,423</b>
<b>Jumlah</b>	<b>6,989</b>	<b>3,482</b>	<b>1,500</b>	<b>11,971</b>

**Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan**

Seramai **27** orang Anggota Perkhidmatan Pendidikan diluluskan pelanjutan tempoh percubaan dan pengesahan dalam perkhidmatan. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan**

Wilayah \ Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Semenanjung	21	-	2	<b>23</b>
Sabah	1	-	-	<b>1</b>
Sarawak	1	1	1	<b>3</b>
<b>Jumlah</b>	<b>23</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>27</b>

### Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen

Seramai **23,750** Anggota Perkhidmatan Pendidikan telah diluluskan pengesahan dalam perkhidmatan berserta dengan pemberian taraf berpencen. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen**

Wilayah \ Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Semenanjung	10,335	4,859	2,316	<b>17,510</b>
Sabah	1,360	1,780	191	<b>3,331</b>
Sarawak	1,723	1,033	153	<b>2,909</b>
<b>Jumlah</b>	<b>13,418</b>	<b>7,672</b>	<b>2,660</b>	<b>23,750</b>

### Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen

Seramai **133** Anggota Perkhidmatan Pendidikan diluluskan pelanjutan tempoh percubaan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan**  
**Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen**

Wilayah \ Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Semenanjung	46	6	41	<b>93</b>
Sabah	11	3	10	<b>24</b>
Sarawak	2	-	14	<b>16</b>
<b>Jumlah</b>	<b>59</b>	<b>9</b>	<b>65</b>	<b>133</b>

### **Opsyen Pencen Atau KWSP**

Jumlah penyandang yang memenuhi opsyen pencen adalah berdasarkan bilangan penyandang di **Jadual 12**, **Jadual 14** dan **Jadual 15** manakala bagi jumlah opsyen KWSP dikira berdasarkan pada pegawai lantikan kali pertama yang telah memilih opsyen KWSP.

Seramai **35,854** orang Anggota Perkhidmatan Pendidikan telah diluluskan opsyen pencen manakala seramai **1,900** orang diluluskan opsyen KWSP. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan dan wilayah adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Opsyen Pencen Atau KWSP**

Wilayah Opsyen & Perkhidmatan	Pencen			Jumlah	KWSP			<b>Jumlah</b>
	PPPS	PPPLD	AKS		PPPS	PPPLD	AKS	
Semenanjung	15,841	7,309	3,622	26,772	577	565	11	<b>1,153</b>
Sabah	2,162	2,273	299	4,734	157	173	8	<b>338</b>
Sarawak	2,463	1,581	304	4,348	228	176	5	<b>409</b>
<b>Jumlah</b>	<b>20,466</b>	<b>11,163</b>	<b>4,225</b>	<b>35,854</b>	<b>962</b>	<b>914</b>	<b>24</b>	<b>1,900</b>

### Pelantikan/Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak

Pelantikan/Pembaharuan pelantikan secara kontrak bermaksud lantikan seseorang ke satu jawatan yang dibuat mengikut syarat kontrak yang dipersetujui antara Pihak Berkuasa Melantik dan pegawai. Pelantikan adalah untuk mengisi jawatan sedia ada terdiri daripada kalangan pesara sama ada awam atau bekas tentera/polis, bukan warganegara atau pegawai yang tidak memenuhi syarat skim perkhidmatan tetapi perkhidmatan mereka diperlukan oleh kerajaan. Pelantikan secara kontrak dibuat dengan syarat-syarat perkhidmatan khas untuk sesuatu tempoh tertentu. SPP telah menerima dan meluluskan perakuan pelantikan secara kontrak/pembaharuan pelantikan secara kontrak bagi **309** anggota. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Pelantikan/Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak**

Urusan	Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Pelantikan Secara Kontrak PPP/AKS Dari Sekolah Agama Rakyat (SAR)/ Sekolah Agama Negeri (SAN) Negeri Selangor Kepada KPM		59	122	30	<b>211</b>
Pelantikan Secara Kontrak PPP/ AKS Dari SAR/SAN Negeri Melaka Kepada KPM		-	-	2	<b>2</b>
Pelantikan Secara Kontrak Guru Bukan Warganegara		28	12	-	<b>40</b>
Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak Guru Majlis Ugama Islam Sabah		-	56	-	<b>56</b>
<b>Jumlah</b>		<b>87</b>	<b>190</b>	<b>32</b>	<b>309</b>

#### **Pertukaran Pelantikan/Opsyen Pertukaran Pelantikan**

Pertukaran pelantikan bermaksud pertukaran seseorang pegawai yang perlu dilaksanakan akibat pembubaran atau pemansuhan jawatan yang dibuat melalui pemberian opsyen. Pertukaran pelantikan juga dilaksanakan kerana permohonan pegawai sendiri dengan mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Melantik agensi asal dan Pihak Berkuasa Melantik agensi penerima. Peraturan pelaksanaannya adalah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2002. SPP telah menerima dan meluluskan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri bagi **lima (5)** orang pegawai, manakala seramai **386** orang pegawai diluluskan pertukaran pelantikan daripada perkhidmatan negeri ke perkhidmatan pelajaran. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Pertukaran Pelantikan/Opsyen Pertukaran Pelantikan**

Urusan	Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Pertukaran Pelantikan Atas Permohonan Pegawai		3	-	2	<b>5</b>
Opsyen Pertukaran Pelantikan Guru-Guru SAN Ke Perkhidmatan Pelajaran Di Bawah KPM		109	207	70	<b>386</b>
<b>Jumlah</b>		<b>112</b>	<b>207</b>	<b>72</b>	<b>391</b>

### **Pertukaran Sementara**

Pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan lain yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama atau Pihak Berkuasa Melantik berlainan dalam tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dari perkhidmatan asalnya. SPP telah menerima dan meluluskan pertukaran atau pelanjutan pertukaran untuk seramai **189** anggota. Perangkaan bilangan calon mengikut perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Pertukaran Sementara**

Urusan	Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS	Jumlah
Pertukaran Sementara		115	3	1	<b>119</b>
Pelanjutan Pertukaran Sementara		35	34	1	<b>70</b>
<b>Jumlah</b>		<b>150</b>	<b>37</b>	<b>2</b>	<b>189</b>

## Pinjaman Pegawai

Pinjaman bermaksud penempatan perkhidmatan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan yang berada di bawah Pihak Kuasa Melantik yang berlainan untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan asalnya. Pinjaman boleh diuruskan kepada agensi awam, swasta atau agensi antarabangsa dan dilaksanakan setelah ada persetujuan antara agensi pembekal, agensi peminjam dan pegawai berkenaan. Seramai **15** orang pegawai telah diluluskan oleh SPP untuk berkhidmat secara pinjaman di pelbagai agensi. Bilangan pegawai terlibat mengikut perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Pinjaman Pegawai**

Urusan	Perkhidmatan	PPPS	PPPLD	AKS
Pinjaman		8	4	3
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>			

## Pertukaran Tetap

Pertukaran tetap bermaksud pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat secara pinjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam. Pelantikan ini bermakna hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. SPP telah bersetuju untuk pertukaran tetap **seorang (1)** Anggota Perkhidmatan Pendidikan iaitu PPPS Gred DG48 ke skim perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N52 ke SPA.

## Penamatan Perkhidmatan

Perkhidmatan seseorang pegawai boleh ditamatkan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dalam keadaan berikut:

- (i) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam borang pemeriksaan perubatan;
- (ii) membuat akuan palsu dalam akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 19(1)(b) P.U.(A) 176/2005;
- (iii) tidak mematuhi kehendak dalam perenggan 19(1)(c) P.U.(A) 176/2005;
- (iv) memalsukan apa-apa dokumen yang berhubung dengan pelantikannya; atau
- (v) gagal tapisan keselamatan.

Sebagai pihak berkuasa melantik, SPP telah mengeluarkan surat tunjuk sebab penamatan perkhidmatan ke atas seramai **33** orang anggota. Dari jumlah tersebut hanya **seorang (1)** sahaja yang telah ditamatkan perkhidmatan manakala yang lainnya telah dibenarkan meneruskan perkhidmatan dengan diberi pelanjutan tempoh percubaan.

## Pemerhatian SPP Ke Atas Kecekapan Ketua Jabatan Memperakukan Urusan Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2007, SPP telah menerima sejumlah **41,144** perakuan urusan perkhidmatan yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan di bawah KPM dan KPTM. SPP mendapati dari segi melengkapkan butiran dokumen untuk sesuatu urusan perkhidmatan, Ketua Jabatan telah dapat mematuhi syarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, dari segi tempoh waktu mengemukakan perakuan urusan perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam peraturan, Ketua Jabatan masih belum dapat mematuhinya di dalam mengemukakan sesuatu urusan perkhidmatan ke SPP. Perangkaan di **Jadual 21** menunjukkan sejumlah **7,656** atau **18.6%** daripada jumlah perakuan yang diterima adalah melewati tempoh masa yang ditetapkan.

**Jadual 21**  
**Perangkaan Kelewatian Urusan Perkhidmatan**

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah Perakuan Dielima		Jumlah Perakuan Lewat	Peratus Kelewatan (%)											
													Lewat	Terima	Lewat												
Perakuan Wilayah													Lewat	Terima	Lewat												
Perak	298	25	132	10	126	17	170	7	250	37	405	60	193	27	324	45	240	57	138	15	232	18	435	43	2,943	361	12.3
Selangor	395	88	528	83	451	87	486	57	514	165	445	154	414	134	1,232	259	464	134	270	38	277	37	724	121	6,200	1,357	21.9
Pahang	240	50	64	9	107	33	84	38	144	58	139	60	115	47	815	230	29	10	216	47	138	23	425	96	2,516	701	27.9
Kelantan	175	57	62	33	53	17	56	9	49	18	60	23	51	14	179	67	80	28	42	11	58	8	169	38	1,034	323	31.2
Johor	998	51	226	27	317	41	71	4	584	81	627	99	555	100	967	129	516	87	324	32	531	55	707	92	6,423	798	12.4
Kedah	96	20	69	13	155	14	86	16	155	37	144	30	91	35	277	69	111	20	133	7	60	8	109	12	1,486	281	18.9
Melaka	92	5	35	4	106	5	53	8	62	12	80	12	105	19	115	20	40	18	76	6	128	12	114	13	1,006	134	13.3
N. Sembilan	105	29	105	17	92	14	120	20	173	37	194	26	51	11	271	62	38	7	99	8	72	4	167	33	1,487	268	18.0
P. Pinang	241	22	126	12	170	14	197	18	170	18	175	32	69	7	304	39	124	19	143	20	120	20	197	35	2,036	256	12.6
Perlis	18	6	30	7	38	1	14	-	39	22	16	2	13	2	22	12	8	2	21	2	2	-	29	3	250	59	23.6
Terengganu	106	18	79	5	70	4	14	3	133	27	126	59	51	13	174	57	21	6	66	11	60	3	160	16	1,060	222	20.9
Sarawak	333	99	225	83	474	106	449	17	822	325	-	-	149	17	495	137	253	19	-	-	733	79	552	71	4,485	953	21.2
Sabah	648	128	-	-	688	73	172	8	-	-	-	-	1,181	272	-	-	802	164	894	181	512	121	237	36	5,134	983	19.1
Kuala Lumpur	230	1	361	62	386	55	133	19	274	65	144	20	284	165	662	133	55	18	89	24	107	21	73	20	2,798	603	21.6
Labuan	40	5	-	-	24	6	15	3	-	-	-	-	85	18	-	-	17	13	21	14	26	10	9	4	237	73	30.8
Kementerian Pelajaran Malaysia	185	19	154	17	140	19	157	10	375	32	300	24	135	13	296	72	122	38	124	17	63	8	173	15	2,224	284	12.8
Jumlah	4,200	623	2,196	382	3,397	506	2,277	237	3,744	934	2,855	601	3,542	894	6,133	2,920	640	2,656	433	3,119	427	4,280	648	41,144	7,656	18.6	

Catatan: Perakuan Urusan Perkhidmatan adalah meliputi Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen.

## Urusan Perkhidmatan Bagi Tempoh 2003 - 2007

Berdasarkan kepada **Jadual 22** dan **Carta 6**, jumlah urusan perkhidmatan untuk tempoh lima (5) tahun yang telah diluluskan oleh SPP ialah **175,522** perakuan. Perakuan perkhidmatan yang tertinggi diluluskan oleh SPP ialah pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen iaitu sebanyak **101,524** (57.9%) dan yang terendah ialah pelanjutan tempoh percubaan dan pengesahan dalam perkhidmatan iaitu **199** (0.1%). Perakuan untuk pengesahan dalam perkhidmatan yang telah diluluskan ialah **43,433** (24.8%) manakala untuk pemberian taraf berpencen ialah sebanyak **28,151** (16%). Perakuan untuk urusan pelanjutan tempoh percubaan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen hanya melibatkan bilangan yang kecil iaitu **937** perakuan (0.5%) dan sebanyak **1,278** perakuan (0.7%) telah diluluskan bagi pelanjutan tempoh percubaan.

Bilangan perakuan yang telah diluluskan untuk semua urusan perkhidmatan di Semenanjung ialah sebanyak **118,377** (67.4%) perakuan, **38,749** (22.1%) bagi Sabah dan **18,396** (10.5%) bagi Sarawak.

Perakuan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen pula telah meningkat 24.6% iaitu daripada **17,910** pada tahun 2003 kepada **23,750** pada tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh syarat tempoh percubaan telah dipinda dari tiga (3) tahun di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) kepada satu (1) hingga tiga (3) tahun di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

Berdasarkan kepada **Jadual 22**, SPP menjangkakan perakuan bagi urusan pengesahan dalam perkhidmatan, urusan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen serta urusan pemberian taraf berpencen akan meningkat lebih 20% setiap tahun disebabkan oleh beberapa faktor khususnya dengan penambahan pengambilan pegawai dan kakitangan KPM/KPTM. Oleh itu, SPP telah mengambil langkah tertentu untuk penambahbaikan urusan perkhidmatan, antaranya:

- (i) mengadakan seminar urusan perkhidmatan SPP;
- (ii) melaksanakan pemantauan urusan perkhidmatan dengan pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)/Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)/KPM/KPTM;
- (iii) mengadakan penyemakan data kelewatan urusan perkhidmatan secara dua hala dengan JPN/PPD/KPM/KPTM; dan
- (iv) mengadakan sesi taklimat/penerangan urusan perkhidmatan kepada JPN/PPD sempena MSJ.


Mulai tahun 2007, SPP telah mengambil langkah proaktif mengeluarkan **surat tindakan susulan urusan perkhidmatan setelah surat pengesahan lantikan** dikeluarkan kepada anggota yang baru dilantik serta **surat akuan terima** kepada Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang diperakukan urusan perkhidmatan mereka oleh KPM, KPTM, JPN, PPD Selangor, Politeknik dan Kolej Komuniti.



**Jadual 22**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Perkhidmatan**

Urusan	Wilayah Tahun	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Jumlah	<b>Jumlah</b>
Pengesahan Dalam Perkhidmatan	2003	4,882	1,069	676	6,627	<b>43,433</b>
	2004	6,563	3,699	653	10,915	
	2005	7,760	875	1,146	9,781	
	2006	7,109	871	1,055	9,035	
	2007	4,886	1,094	1,095	7,075	
Pelanjutan Tempoh Percubaan	2003	143	63	198	404	<b>1,278</b>
	2004	106	8	95	209	
	2005	119	18	62	199	
	2006	133	2	34	169	
	2007	237	14	46	297	
Pemberian Taraf Berpencen	2003	84	166	34	284	<b>28,151</b>
	2004	1,138	491	503	2,132	
	2005	3,857	948	1,016	5,821	
	2006	5,759	1,479	705	7,943	
	2007	9,169	1,379	1,423	11,971	
Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen	2003	12,880	3,410	1,620	17,910	<b>101,524</b>
	2004	11,839	2,384	1,512	15,735	
	2005	12,049	10,688	1,606	24,343	
	2006	11,531	6,393	1,862	19,786	
	2007	17,510	3,331	2,909	23,750	
Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan	2003	22	20	2	44	<b>199</b>
	2004	24	20	7	51	
	2005	33	3	2	38	
	2006	34	1	4	39	
	2007	23	1	3	27	
Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen	2003	40	131	7	178	<b>937</b>
	2004	99	123	31	253	
	2005	126	24	39	189	
	2006	129	20	35	184	
	2007	93	24	16	133	
<b>Jumlah</b>		<b>118,377</b>	<b>38,749</b>	<b>18,396</b>		<b>175,522</b>


**Carta 6**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Perkhidmatan**



**Jadual 23**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Opsyen Pencen Atau KWSP**

Tahun	2003		2004		2005		2006		2007	
Opsyen Wilayah	Pencen	KWSP								
Semenanjung	13,004	798	12,348	1,208	12,175	1,224	16,035	737	26,772	1,153
Sabah	3,576	355	2,655	432	1,645	370	1,390	114	4,734	338
Sarawak	1,728	1,031	1,507	240	1,609	287	2,137	351	4,348	415
<b>Jumlah</b>	<b>18,308</b>	<b>2,184</b>	<b>16,510</b>	<b>1,880</b>	<b>15,429</b>	<b>1,881</b>	<b>19,562</b>	<b>1,202</b>	<b>35,854</b>	<b>1,906</b>
<b>Jumlah</b>	<b>20,492</b>		<b>18,390</b>		<b>17,310</b>		<b>20,764</b>		<b>37,760</b>	

**Carta 7**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Opsyen Pencen Atau KWSP**





## URUSAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB

**SPP**

# URUSAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB

Dari segi urusan kenaikan pangkat dan tatatertib, SPP bertindak untuk melaksanakan urusan berikut:

- (i) kenaikan pangkat;
- (ii) rayuan kenaikan pangkat;
- (iii) tindakan tatatertib; dan
- (iv) rayuan tatatertib.

## Kenaikan Pangkat

Berasaskan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1974 [P.U.(A)89/1974], SPP bertanggungjawab mengendalikan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. SPP tidak menimbang kenaikan pangkat selain Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia kerana Perkara 144(5B) Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan penurunan kuasa kepada Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran yang berkenaan.

Pada tahun 2007, SPP telah melantik Y.Bhg. Dato' Alimuddin bin Md. Dom, ke jawatan khas sebagai Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia selepas mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pelantikan beliau berkuatkuasa mulai 16 Julai 2007.

## Rayuan Kenaikan Pangkat

Bagi urusan rayuan kenaikan pangkat, SPP berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat yang bertanggungjawab menimbang rayuan kenaikan pangkat daripada PPPS yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran.

SPP telah menimbang **dua (2)** kes rayuan kenaikan pangkat PPPS Gred DG48 ke Gred DG52 pada tahun 2007 dan membuat keputusan menolak rayuan berkenaan.

## Tindakan Tatatertib

SPP berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib ke atas PPPS sehingga ke peringkat hukuman **buang kerja** atau **turun pangkat**. Walau bagaimanapun, SPP juga masih boleh menjatuhkan mana-mana hukuman tatatertib selain **buang kerja** atau **turun pangkat** di bawah Peraturan 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. SPP di dalam menimbang sesuatu tindakan tatatertib adalah menjalankan tugas yang berupa *quasi judicial* yang mana semua keputusan tindakan tatatertib yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dikaji semula.

Dalam tahun 2007, sebanyak **21** kertas pertimbangan kes tatatertib telah diputuskan oleh Suruhanjaya yang melibatkan **12** kes kesalahan am dan **sembilan (9)** kes kesalahan jenayah. Daripada jumlah 12 kes kesalahan am, lapan (8) kes melibatkan kesalahan tidak hadir bertugas tanpa kebenaran atau tanpa cuti atau tanpa sebab yang munasabah, dua (2) kes gangguan seksual dan dua (2) kes kesalahan prosedur kewangan. Bagi kes kesalahan jenayah pula, tiga (3) daripadanya melibatkan kesalahan rasuah, dua (2) kes dadah dan masing-masing satu (1) bagi kes penipuan, gangguan seksual, akta pengangkutan jalan dan khalwat. Pecahan kes tindakan tatatertib adalah seperti di **Jadual 24** dan **25**.

**Jadual 24**  
**Kes Tatatertib Am**

Pecahan kes	Jumlah
Tidak hadir bertugas	<b>8</b>
Gangguan seksual	<b>2</b>
Kesalahan prosedur kewangan	<b>2</b>
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>

**Jadual 25**  
**Kes Tatatertib Jenayah**

Pecahan kes	Jumlah
Rasuah	3
Dadah	2
Penipuan	1
Gangguan seksual	1
Akta pengangkutan jalan	1
Khalwat	1
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>

Daripada 21 kes yang telah diselesaikan, bentuk hukuman tatatertib yang dikenakan adalah seperti di **Jadual 26** berikut:

**Jadual 26**  
**Hukuman Tatatertib**

Bil.	Jenis Hukuman	Jenis Kesalahan	Jumlah
1.	Buang kerja	Tidak hadir bertugas Jenayah Warta	5 2 -
2.	Turun Pangkat dan Amaran	Tatakelakuan	1
3.	Turun gaji	Tatakelakuan	1
4.	Turun gaji dan amaran	Tidak hadir bertuga Jenayah Warta	1 2 1
5.	Amaran	Tidak hadir bertugas Jenayah	1 1
<b>Jumlah</b>			<b>15</b>

Baki enam (6) kes tidak dijatuhkan hukuman tatatertib atas alasan:

- (i) seorang dibebaskan dari tindakan tatatertib;
- (ii) empat (4) kes pegawai dibebaskan oleh mahkamah; dan
- (iii) seorang pegawai telah bersara.

SPP juga menguruskan proses perintah tahan kerja ke atas PPPS yang terlibat dengan kes salah laku yang memerlukan penyiasatan lanjut atau sesuatu prosiding jenayah telah dimulakan ke atasnya. Mana-mana PPPS yang didapati bersalah oleh mahkamah, SPP boleh bertindak mengenakan perintah gantung kerja sehingga kes tatatertib diputuskan oleh SPP. Pada tahun 2007, sebanyak **24** prosedur perintah tahan kerja dan perintah gantung kerja telah dilaksanakan seperti di **Jadual 27** berikut:

**Jadual 27**  
**Prosedur Tatatertib**

Prosedur	Jumlah
Perintah tahan kerja	<b>19</b>
Perintah gantung kerja	<b>5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>24</b>

### **Rayuan Tatatertib**

SPP adalah berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib yang menimbang rayuan tatatertib dari kalangan PPP dan AKS yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga-lembaga Tatatertib yang berkenaan. Keputusan yang dibuat oleh Lembaga Rayuan Tatatertib adalah muktamad.

Bagi urusan rayuan tatatertib, Lembaga Rayuan Tatatertib boleh membuat keputusan sama ada:

- (i) menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib yang berkenaan untuk ditimbang semula;
- (ii) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib yang berkenaan;
- (iii) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib yang berkenaan tentang salah laku perayu, tetapi mengubah hukuman itu kepada hukuman yang lebih ringan; atau
- (iv) mengakas keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib yang berkenaan dan membebaskan perayu.

Lembaga Rayuan Tatatertib pada tahun 2007 telah menimbang dan memutuskan sebanyak **107** kes rayuan tatatertib yang diterima daripada semua Anggota Perkhidmatan Pendidikan seperti di **Jadual 28**:

**Jadual 28**  
**Kes Rayuan Tatatertib**

Bil.	Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib	PPPS	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) / PPPLD	AKS	Jumlah
1.	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula	2	2	2	<b>12</b>
2.	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib	2	43	32	<b>77</b>
3.	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salah laku perayu, tetapi mengubah hukuman itu kepada hukuman yang lebih ringan	2	10	5	<b>17</b>
4.	Mengakas keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan membebaskan perayu	-	1	-	<b>1</b>
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>62</b>	<b>39</b>	<b>107</b>

## Urusan Naik Pangkat Dan Tatatertib 2003 - 2007

Sepanjang tahun 2003 - 2007, sejumlah **606** urusan naik pangkat dan tatatertib telah selesai diuruskan oleh SPP seperti di **Jadual 29** dan **Carta 8**.

Jumlah perakuan yang diuruskan oleh SPP adalah mengikut perakuan yang dihantar oleh KPM, KPTM dan JPN.


Urusan tindakan tatatertib menunjukkan adanya penurunan kes dari tahun 2003 - 2007. Bilangan pegawai yang dikenakan perintah tahan kerja dan gantung kerja pula meningkat dari **tujuh (7)** kes dalam tahun 2003 kepada **24** kes dalam tahun 2007.

Secara keseluruhan, urusan rayuan tatatertib melebihi urusan tindakan tatatertib disebabkan SPP menguruskan semua kes rayuan tatatertib yang diterima daripada Anggota Perkhidmatan Pendidikan.

**Jadual 29**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Naik Pangkat Dan Tatatertib**

Urusan	2003	2004	2005	2006	2007	Jumlah
<b>KENAIKAN PANGKAT</b>						
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	-	-	1	1	1	<b>3</b>
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>3</b>
<b>RAYUAN KENAIKAN PANGKAT</b>						
Anggota Perkhidmatan Pendidikan	7	15	28	-	2	<b>52</b>
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>15</b>	<b>28</b>	<b>-</b>	<b>2</b>	<b>52</b>
<b>TINDAKAN TATATERTIB</b>						
(a) Am	21	21	10	14	12	<b>78</b>
(b) Jenayah	5	7	10	10	9	<b>41</b>
(c) Warta	-	-	1	2	-	<b>3</b>
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>28</b>	<b>21</b>	<b>26</b>	<b>21</b>	<b>122</b>
<b>PROSEDUR TATATERTIB</b>						
(a) Gantung Kerja	3	1	2	4	5	<b>15</b>
(b) Tahan Kerja	4	7	3	6	19	<b>39</b>
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>10</b>	<b>24</b>	<b>54</b>
<b>RAYUAN TINDAKAN TATATERTIB</b>						
(a) Am						
PPP	46	32	34	27	52	<b>191</b>
AKS	22	14	15	25	30	<b>106</b>
(b) Jenayah						
PPP	4	9	13	11	15	<b>52</b>
AKS	3	3	4	6	10	<b>26</b>
<b>Jumlah</b>	<b>75</b>	<b>58</b>	<b>66</b>	<b>69</b>	<b>107</b>	<b>375</b>
<b>Jumlah</b>	<b>117</b>	<b>110</b>	<b>121</b>	<b>105</b>	<b>155</b>	<b>606</b>

**Carta 8**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Urusan Naik Pangkat Dan Tatatertib**



“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara...”

(Akta 550)  
Akta Pendidikan 1996



# PEMANTAPAN DAN PEMODENAN SPP

**SPP**

# PEMANTAPAN DAN PEMODENAN SPP

Sepanjang tahun 2007, SPP telah melaksanakan pelbagai program pemantapan dan pemodenan. Program-program berkenaan adalah seperti berikut:

## **Pelancaran SMAKS Versi Baru, Sistem e-Mobile dan ScaF**

Sistem Maklumat Anggota Kumpulan Sokongan (SMAKS) versi baru, Sistem e-Mobile dan Sistem Carian Fail (ScaF) telah dilancarkan pada 17 April 2007 di majlis ulang tahun sambutan SPP ke-33. Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Y.B. Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

SMAKS versi baru merupakan SMAKS yang telah dipertingkatkan dengan pengenalan aplikasi permohonan atas talian (*online*) dan berdasarkan web. Dengan pengenalan sistem ini, urusan permohonan dan pemprosesan ke jawatan kumpulan sokongan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Di samping itu, sistem ini dapat menjimatkan masa dan kos, membolehkan akuan terima permohonan dikeluarkan serta-merta dan memberarkan status permohonan disemak secara atas talian.

Aplikasi e-Mobile dibangunkan untuk memudahkan urusan mengemaskini maklumat calon dari pusat-pusat temu duga di seluruh negara. Aplikasi ini menggunakan Pembantu Digital Peribadi (*Personal Digital Assistant – PDA*) sebagai media mudah alih.

ScaF dibangunkan untuk mengambil alih sistem pengurusan fail Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang sebelum ini dilaksanakan secara manual. Penggunaan sistem ini memudahkan urusan pendaftaran, pencarian dan pergerakan fail.

## **Aplikasi e-Ruling**

Aplikasi e-Ruling dibangunkan pada pertengahan tahun 2007 untuk menyimpan secara digital minit-minit Mesyuarat Suruhanjaya, Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib. Aplikasi ini memudahkan carian dan rujukan ke atas keputusan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya.

## **Penyelarasan Dan Penyeragaman Urusan Pengambilan Dan Perkhidmatan PPP Dan AKS**

Program-program berikut telah dilaksanakan dalam usaha menyelaras dan menyeragamkan urusan pengambilan dan perkhidmatan PPP dan AKS:

- (i) Mesyuarat Perkhidmatan Pendidikan pada 18 - 19 Jun 2007 di *Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort*, Langkawi, Kedah telah mengupas isu semasa dan masalah yang dihadapi dalam perkhidmatan pendidikan. Program yang berlangsung selama dua (2) hari itu telah dihadiri oleh hampir 150 orang warga pendidik dari pelbagai agensi di bawah KPM dan KPTM. Sebanyak lapan (8) kertas kerja telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.
- (ii) Persidangan Ke-X SPA Malaysia, SPA Negeri dan SPP pada 29 Julai hingga 2 Ogos 2007 di *Primula Beach Resort*, Kuala Terengganu, Terengganu telah membincangkan isu yang relevan serta perkembangan semasa berhubung peranan Suruhanjaya.
- (iii) Program lawatan kerja Suruhanjaya ke agensi di bawah KPM bertujuan memantau keberkesanan pelaksanaan fungsi Suruhanjaya khasnya dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan. Sebanyak tujuh (7) sesi lawatan kerja telah dilaksanakan yang mana melibatkan pengisian seperti Majlis Sesi Dialog dan Taklimat. Agensi yang telah dilawati ialah JPN Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

### **Bengkel Anggota Suruhanjaya**

- *Bengkel Khas Anggota Suruhanjaya*

Bengkel Khas Anggota Suruhanjaya bagi meningkatkan kefahaman ke atas bidang tugas Suruhanjaya yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan dan tatatertib telah diadakan pada 3 - 5 Januari 2007. Di forum yang sama, Suruhanjaya telah membincangkan bersama bahagian-bahagian tertentu di bawah KPM mengenai isu-isu pelantikan dan perkhidmatan guru-guru Pendidikan Islam, Kaedah Latihan Pra Perkhidmatan Guru dan Proses Naziran ke atas guru-guru sandaran yang gagal temu duga lantikan tetap.

- *Bengkel Teknik Temu Duga*

Bengkel Teknik Temu Duga yang mendedahkan teknik temu duga berdasarkan kompetensi kepada Anggota Suruhanjaya telah diadakan pada 28 Ogos 2007 di *The Heritage Bay Club Marina & Resort*, Terengganu. Bengkel telah dikendalikan oleh *Syarikat Attract Right Sdn. Bhd.*

### **Hari Bertemu Pelanggan**

SPP juga telah menganjurkan lima (5) kali program Hari Bertemu Pelanggan iaitu sekali (1) di ibu pejabat dan empat (4) kali di luar ibu pejabat iaitu di Kota Bharu, Kelantan; Wilayah Persekutuan Labuan; Miri, Sarawak dan Pulau Pinang. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu menyelesaikan permasalahan dan menjawab segala pertanyaan mengenai urusan pelantikan dan perkhidmatan bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan. Selain itu juga, melalui program ini SPP akan mendapat maklum balas pelanggan ke atas perkhidmatan yang telah diberikan.

### **Sesi Penerangan**

Bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, SPP telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan 43 sesi taklimat urusan pengambilan dan 13 sesi taklimat urusan perkhidmatan di seluruh negara.

### **Program Latihan**

Program latihan bagi pegawai di SPP dilaksanakan dalam konteks memenuhi dasar latihan sumber manusia sektor awam iaitu setiap pegawai dikehendaki menghadiri latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dalam setahun. Antara program latihan yang telah dianjurkan adalah seperti di **Jadual 30:**

**Jadual 30**  
**Program Latihan Tahun 2007**

Bil.	Kursus	Tempat	Tarikh	Kehadiran (Orang)
1.	Kursus Penyelia Berkesan	Hotel Seri Malaysia, Genting Highlands, Pahang	28 Februari - 2 Mac 2007	24
2.	Kursus Pembantu Tadbir Cemerlang	Hotel Raudah, Kota Bharu, Kelantan	23 - 25 April 2007	25
3.	Kursus Pengurusan Mesyuarat	Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya	15 - 17 Mei 2007	28
4.	Bengkel Audit Dalaman MS ISO	Hotel Holiday Inn, Pulau Pinang	8 - 10 Mei 2007	20
5.	Kursus Pengurusan Konflik/Stres	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	26 - 28 Jun 2007	25
6.	Teknik Menangani Pekerja Bermasalah	Hotel Seri Malaysia, Genting Highlands, Pahang	31 Julai - 2 Ogos 2007	18
7.	Kursus Kewangan	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan	10 - 12 Ogos 2007	25
8.	Kursus Personel Imej	Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya	27 November 2007	40
9.	Kursus Pengurusan Rekod dan Fail	Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya	4 - 6 Disember 2007	31

## Kewangan


Bagi melaksanakan keseluruhan program dan aktiviti termasuk yang menjurus kepada pemantapan dan pemodenan SPP, sebanyak **RM20,938,000.00** telah diperuntukkan bagi perbelanjaan Tanggungan iaitu T.10 dan juga perbelanjaan Bekalan iaitu B.40. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM20,308,547.92** yang bersamaan 96.99 peratus (%).

Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun kewangan 2003 - 2007 adalah seperti di **Jadual 31** dan **Carta 9**:


**Jadual 31**  
**Kewangan SPP 2003 - 2007**

Bajet Tahun	T10			B40		
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan (%)	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan (%)
2003	3,536,100.00	3,287,952.06	93	7,500,100.00	7,145,492.61	95
2004	3,870,000.00	3,502,901.95	91	7,875,100.00	7,607,679.24	97
2005	4,391,000.00	3,881,270.81	88	8,264,200.00	8,187,130.28	99
2006	4,509,000.00	4,358,732.10	97	13,555,000.00	13,220,479.55	98
2007	4,505,600.00	4,202,217.24	93	16,432,400.00	16,106,330.68	98

**Carta 9**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Peruntukan dan Perbelanjaan T10**



**Carta 10**  
**Perbandingan Lima (5) Tahun Peruntukan dan Perbelanjaan B40**



## Rumusan

Sepanjang tahun 2007, SPP telah berjaya melaksanakan fungsi pelbagai usaha pemantapan telah dilaksanakan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Program pemantapan ini adalah untuk memudah dan mempercepatkan segala urusan berkaitan pelantikan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan. Walaupun terdapat kekangan dari segi tenaga kerja, SPP sentiasa mencuba sedaya-upaya untuk melaksanakan urusannya dalam masa yang ditetapkan sebagai usaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam. Bukan sahaja komited dalam melaksanakan tugasan berkaitan fungsinya, SPP turut memberi perhatian yang tidak kurang seriusnya dalam usaha meningkatkan hubungan dua (2) hala antara pihak SPP dengan agensi-agensi lain yang terbabit baik secara langsung maupun tidak langsung dengan bidang tugasnya.



## AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

**SPP**

## AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



Bengkel Khas Anggota Suruhanjaya di Corus Paradise Resort, Negeri Sembilan pada 4 - 5 Januari 2007.



Majlis Pelancaran Sambutan Ulangtahun Ke-33 SPP di Auditorium Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 17 April 2007.



Program Lawatan Kerja dan Majlis Sesi Taklimat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan, Kelantan pada 28 Februari 2007.



Majlis Menghadap KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan di Istana Hinggap, Seremban, Negeri Sembilan pada 23 Mei 2007.



Mesyuarat Suruhanjaya Ke-804 di Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort, Langkawi, Kedah pada 18 Jun 2007.



Mesyuarat Perkhidmatan Pendidikan di Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort, Langkawi, Kedah pada 18 - 19 Jun 2007.



Mesyuarat Suruhanjaya Ke-806 di Sheraton Labuan Hotel, Wilayah Persekutuan Labuan pada 16 - 19 Jun 2007.



Mesyuarat Suruhanjaya Ke-809 di Miri, Sarawak pada 9 - 11 September 2007.

Majlis Sesi Taklimat Bersama Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Labuan di Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Labuan pada 18 Julai 2007.



Majlis Sesi Dialog di Dewan Pustaka, Miri, Sarawak pada 11 September 2007.



Majlis Angkat Sumpah Pengerusi SPP di Istana Kehakiman, Putrajaya pada 29 Oktober 2007.



Majlis Angkat Sumpah Timbalan Pengerusi SPP di Istana Kehakiman, Putrajaya pada 15 November 2007.



Mesyuarat Suruhanjaya Ke-815 di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis pada 4 Disember 2007.

# BELASUNGKAWA



Allahyarham Tan Sri Dr. Abdul Rafie bin Mahat  
(1946 - 2007)

Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
(08.01.2005 – 08.03.2007)

## BELASUNGKAWA

Allahyarham Tan Sri Dr. Abdul Rafie bin Mahat adalah Pengurus SPP yang keenam (6) bagi tempoh 8 Januari 2005 hingga 8 Mac 2007. Beliau dilahirkan pada 1 Ogos 1946 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan tertinggi daripada Universiti Malaya pada tahun 1972, pengkhususan dalam bidang Pengajian Melayu dan Geografi. Memulakan kerjaya sebagai guru pelatih di Pusat Latihan Daerah Melaka pada tahun 1965. Bagi memantapkan dan mendalami ilmu perguruan, Allahyarham telah mengikuti pelbagai kursus dan latihan anjuran dalam dan luar negara. Antaranya di *Specialist Teachers Training Institute*, Kuala Lumpur; *International Training Institute*, Sydney, Australia; *Japanese Foundation Programme*, Tokyo, Jepun; dan *Stamford University*, California, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam dunia pendidikan sama ada di peringkat institusi pendidikan sekolah mahupun di peringkat KPM. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dalam perkhidmatan awam, beliau pernah menyandang pelbagai jawatan utama. Jawatan tertinggi yang pernah beliau sandang adalah sebagai Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, KPM mulai 8 Februari 2001 hingga 31 Disember 2004. Mulai 8 Januari 2005, beliau telah dilantik sebagai Pengurus SPP. Pelantikan tersebut secara tidak langsung memberi peluang kepada beliau untuk meneruskan usaha memartabatkan profesion keguruan. Selain itu, beliau turut aktif melibatkan diri dalam aktiviti bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO) sama ada di dalam mahupun di luar negara. Antaranya beliau pernah diamanahkan sebagai Pengurus Majlis Buku Kebangsaan, Pengurus Yayasan Guru, Ahli Majlis Pengakap Malaysia, Ahli Majlis Eksekutif Biro Pendidikan Antarabangsa, Geneva dan Ahli Majlis Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Negara-negara Islam, Rabat, Morocco.

Sehingga ke akhir hayatnya, Allahyarham masih penuh bersemangat dan tidak jemu memperkata dan memperjuangkan isu pendidikan khususnya berkenaan nasib guru dan martabat profesion itu. Sesungguhnya, pemergian beliau pada tanggal 8 Mac 2007, jam 8.45 pagi merupakan satu kehilangan yang amat besar kepada dunia pendidikan negara umumnya dan warga SPP khususnya.

Bagi mengenang dan menghargai jasa dan sumbangan Allahyarham yang amat besar dalam dunia pendidikan, maka tanggal 29 November 2007 pada Istiadat Konvokesyen Komemoratif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan telah menganugerahkan Allahyarham Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan (Anumarta).

Sebagai tokoh pendidikan yang disegani, segala jasa dan bakti yang dicurahkan oleh beliau akan tetap dikenang selagi hayat dikandung badan. Al-Fatihah buat Allahyarham Tan Sri Dr. Abdul Rafie bin Mahat.

# PENGHARGAAN

**SPP**

## PENGHARGAAN

SPP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan perkhidmatan yang telah diberikan oleh lima (5) orang Anggota Suruhanjaya dan dua (2) orang pegawai SPP yang bersara pada tahun 2007 iaitu:

Anggota Suruhanjaya SPP:

- (i) Y.Bhg. Dato' Haji Muhammad bin Mustafa
- (ii) Encik Surjeet Singh
- (iii) Tuan Haji Muhammad Nistah bin Haji Kabul
- (iv) Encik Rajalingam a/l Karuppiah
- (v) Tuan Haji Senan bin Ibrahim

Pegawai SPP:

- (i) Y.Bhg. Dato' Nooraishah binti Ahmad Tajudin
- (ii) Encik Johan John bin Abdullah

## GLOSARI

**SPP**

## GLOSARI

AKS	-	Anggota Kumpulan Sokongan
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KWSP	-	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MSJ	-	Mesyuarat Suruhanjaya
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PPP	-	Pegawai Perkhidmatan Pelajaran
PPPS	-	Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Siswazah
ScaF	-	Sistem Carian Fail
SMAKS	-	Sistem Maklumat Anggota Kumpulan Sokongan
SPA	-	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPP	-	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran